



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	4/6/2021	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	JP NEGERI KEDAH			

Lesen balak di Sik hingga 18 tahun lagi

MB Kedah jelaskan permohonan aktiviti diluluskan kerajaan negeri terdahulu

Oleh **Noorazura Abdul Rahman**
bhnews@bh.com.my

Sik: Aktiviti pembalakan di daerah ini dijangka berterusan bagi tempoh 18 tahun lagi berikutan semua lesen bagi aktiviti itu sudah diluluskan pimpinan kerajaan negeri terdahulu.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md Nor, berkata sejak mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri pada Mei tahun lalu, pihaknya tidak pernah meluluskan sebarang projek pembalakan baharu di Kedah.

"Orang ramai tidak akan dapat melihat pemandangan tanpa lori balak di jalan raya

sepanjang tempoh ini kerana ia sudah diluluskan kerajaan terdahulu.

"Kita pun sedang jaga alam, Jabatan Perhutanan akan menguruskan kawasan mana yang boleh dan tidak boleh. Kawasan yang boleh dibalak akan menjadi hasil kerajaan negeri," katanya selepas melawat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Sik di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kebimbangan orang ramai yang mendapati aktiviti pembalakan masih terus dilakukan di daerah ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Sanusi menasihatkan individu atau pertubuhan bukan kerajaan

(NGO) tidak membuat bantahan secara tanpa usul periksa.

Katanya, ini kerana pokok balak di dalam hutan jika tidak ditebang pada tempoh tertentu tetap akan tumbang atau reput, menyebabkan kerajaan negeri tidak mendapat hasil.

"NGO yang mengaku pencinta alam, jangan menentang sembro-no saja sebab Jabatan Perhutanan sudah tentukan di mana kawasan tadahan dan kawasan yang sudah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK).

"Semua kawasan itu akan dipulihara demi menjaga sumber air bagi penduduk Kedah, Pulau Pinang dan Perlis pada masa depan," katanya.

“Orang ramai tidak akan dapat lihat tanpa lori balak di jalan raya sepanjang tempoh ini kerana ia dilulus kerajaan terdahulu”

Muhammad Sanusi Md Nor,
Menteri Besar Kedah

